



اونيورسيتي مليسيا قهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



LAPORAN PENUH PROGRAM

TAUTAN JATI DIRI STAF DAN PEMIMPIN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

BERSAMA UNIVERSITAS GADJAH MADA
DAN UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA

LOKASI:
YOGYAKARTA, INDONESIA
12 - 15 JUN 2023

ANJURAN:
INSTITUT TAMADUN DAN KAJIAN STRATEGIK (ITKAS)
BERSAMA
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI (JHEPA)

TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT



KANDUNGAN



PEMBUKA KATA PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	3
UCAPAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA	5
UCAPAN PENGARAH INSTITUT TAMADUN DAN KAJIAN STRATEGIK (ITKAS)	6
RINGKASAN PROGRAM	7
SENARAI AHLI DELEGASI	8
RAKAN KERJASAMA STRATEGIK	15
PROGRAM	16
LAPORAN HARIAN	
PERTEMUAN BERSAMA PEMIMPIN PELAJAR MALAYSIA	18
LAWATAN KE PUSAT STUDI PANCASILA, UNIVERSITAS GADJAH MADA	21
SEMINAR ANTARABANGSA	24
PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI	29
PROGRAM MOTIVASI	31
MALAM KEBUDAYAAN MALAYSIA - INDONESIA	32
PERTEMUAN BERSAMA PIHAK UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA	34
RUMUSAN	35
TESTIMONI DELEGASI	36



PEMBUKA KATA

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN

Sebagai negara yang berada di rantau ASEAN, Malaysia dan Indonesia adalah dua negara yang mempunyai sistem nilai dan identiti budaya yang unik. Walaupun berbeza dalam pendekatan dan terminologi, terdapat persamaan yang terserlah di antara Rukun Negara Malaysia dan Pancasila Indonesia. Baik Rukun Negara mahupun Pancasila, kedua-duanya bertujuan untuk membentuk masyarakat yang berpegang pada agama, harmoni, inklusif, dan saling menghormati perbezaan. Lawatan ini merupakan kesinambungan daripada program yang telah



dianjurkan oleh pihak UMP pada 23 Ogos 2022 yang lepas di mana satu wacana di bawah tajuk “Rukun Negara dan Pancasila: Ideologi dan Amalan” telah dianjurkan di Hotel Zenith Kuantan, Pahang. Wacana ini telah dimeriahkan dengan penyertaan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) dan Universitas Gadjah Mada (UGM). Melalui program inilah terhasilnya sebuah buku yang mengumpulkan artikel-artikel ditulis oleh penyelidik dari keempat-empat universiti tersebut.

Selain itu, objektif penganjuran lawatan ini adalah selari dengan azam YB Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin. Beliau menekankan bahawa mahasiswa yang digelar ‘*digital natives*’ perlu di bawa ke alam realiti dengan diajar hidup berkawan, bersosial, berpersatuan, bersukan dan berbakti kepada masyarakat. Maka program ini secara langsungnya telah memenuhi apa yang dihasratkan oleh YB Menteri agar mahasiswa UMP terus relevan di masa akan datang.



PEMBUKA KATA

**PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN**

Pendidikan globalisasi telah menjadi aspek penting dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin terhubung dan kompleks. UMP juga tidak ketinggalan dalam menerokai pendidikan era baru ini. Kerjasama yang telah dijalinan bersama UGM dan UNY akan membuka ruang seluas-luasnya untuk UMP dalam memberikan pendedahan berterusan kepada mahasiswa. Melalui perjanjian kerjasama yang dimeterai oleh kedua-dua pihak, ianya boleh dijadikan sebagai platform untuk mewujudkan program kerjasama akademik antarabangsa seperti program dual ijazah bersama pihak Indonesia.

Saya ingin mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) atas usaha yang luar biasa dalam menganjurkan lawatan ini. Lawatan ini tidak hanya memberikan peluang berharga kepada pelajar UMP untuk memperkukuhkan pengetahuan dan pengalaman mereka, tetapi juga memberikan kesempatan untuk menjalin hubungan dan kerjasama dengan universiti di Yogyakarta.

Sekalung penghargaan juga saya ucapkan kepada delegasi daripada Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) seramai 23 orang yang turut sama dalam lawatan ini. Mereka adalah terdiri daripada Majlis Tertinggi MUBARAK. Tahniah diucapkan kepada Penyelaras Program iaitu Dato' Dr. Abdul Latiff bin Hj Awang kerana bertungkus lumus dalam memastikan setiap program berjalan lancar.

Akhir kata, semoga hasil dan pengalaman dari lawatan ini dapat terus memberikan manfaat jangka panjang bagi semua yang terlibat khususnya.

UCAPAN

TIMBALAN NAIB CANSOLOR
AKADEMIK & ANTARABANGSA

PROFESOR IR. TS. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) atas kejayaan menganjurkan lawatan ini. Dengan kerjasama yang kukuh dan komitmen yang tinggi, mereka telah menjayakan usaha ini dengan cemerlang.



Terima kasih diucapkan atas kesungguhan dan dedikasi yang diberikan.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada para pemimpin pelajar UMP yang turut serta dalam lawatan ini. Usaha mereka dalam mengatur dan melaksanakan program ini dengan lancar adalah sangat dihargai. Kepintaran mereka dalam membina rangkaian kerjasama dengan beberapa universiti di Yogyakarta adalah satu pencapaian yang membanggakan. Mereka telah menunjukkan kepimpinan yang cemerlang dan keterampilan organisasi yang luar biasa

Sekali lagi, tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan lawatan ini. Semoga hasil daripada usaha kita bersama ini akan terus memberi impak positif kepada UMP dan komuniti akademik secara menyeluruh. Terima kasih.

UCAPAN

PENGARAH

INSTITUT TAMADUN DAN KAJIAN STRATEGIK

PROFESOR MADYA DR. HASAN BIN AHMAD

Ketamadunan sesebuah negara terletak kepada keunggulan jati diri warganya secara holistik. Dalam mencapai wawasan ketamadunan, pertembungan antara sains, teknologi dan kejuruteraan dengan nilai kemanusiaan sejagat sentiasa menjadi agenda penting dalam pembangunan kerangka insan yang sejati dan berhikmah. Selaras dengan wawasan inilah ITKAS ditubuhkan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi merealisasikan hasrat pembangunan insan bersepadu.

Orientasi pembentukan ITKAS adalah bagi mengasimilasikan pencapaian sains dan



teknologi dengan pembangunan insan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Rukun Negara. Program-program yang berimpak tinggi dalam pembentukan ketamadunan dari aspek intelektual, budaya, pendidikan, kesusasteraan, sejarah dan sebagainya akan menjadi teras wacana ilmiah akan sentiasa dijalankan di peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Selain dari program ini, ITKAS juga telah mempelopori beberapa program lain seperti Kesedaran Undi 18 tahun, Wacana bersama Tokoh Negarawan, Budayawan dan Agamawan dengan penglibatan dari pelbagai lapisan masyarakat. ITKAS bertekad untuk terus membangunkan generasi muda dengan kekuatan mental dan spiritual yang menjunjung ketamadunan Malaysia sebagai sebagai negara berintegriti dan berdaulat yang unggul dan maju dengan teknologi bersama-sama dengan ketinggian nilai ketamadunan sejagat.

RINGKASAN PROGRAM

Program Tautan Jati Diri Staf dan Pemimpin Pelajar UMP bersama beberapa universiti di Yogyakarta bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada staf dan mahasiswa UMP berkaitan budaya, bahasa serta mengeratkan jalinan kerjasama antara kedua-dua Negara. Seramai 11 orang staf dan 20 orang pemimpin pelajar UMP telah menyertai program ini. Program ini merupakan kesinambungan daripada program yang telah dianjurkan oleh Institut Tamadun dan Kajian Strategik pada Ogos 2022 yang lepas.

Program kali ini melibatkan Universitas Negeri Yogyakarta sebagai tuan rumah untuk Seminar Antarabangsa yang bertemakan “Kepimpinan Mahasiswa dalam Pembangunan Patriotisme”. Selain itu, beberapa program lain juga telah diaturkan seperti melawat Pusat Studi Pancasila di Universitas Gadjah Mada, program khidmat komuniti, program motivasi dan malam kebudayaan. Kesemua program ini mempunyai objektif dan matlamat yang tersendiri.

Akhir sekali, program ini merupakan platform untuk mengukuhkan lagi kerjasama dan hubungan sedia ada antara pihak UMP dan pihak-pihak yang berkepentingan di Indonesia terutamanya di sekitar Yogyakarta. Semoga ia dapat diteruskan lagi di masa akan datang.



KETUA DELEGASI



**TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN
ABDUL RAHMAN**

**PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

SENARAI

AHLI DELEGASI (STAF)



**EN. MADYASIR BIN
AHMAD BASIR**

AHLI LEMBAGA
PENGARAH
UNIVERSITI (WAKIL
ALUMNI)



**PROF. IR. TS. DR.
AHMAD ZIAD SULAIMAN**

TIMBALAN NAIB
CANSELOR
(AKADEMIK &
ANTARABANGSA)



**PROF. MADYA DR.
HASAN AHMAD**

PENGARAH
INSTITUT TAMADUN
DAN KAJIAN
STRATEGIK



**PROF. MADYA DR.
MOHD NIZAM
MOHMAD KAHAR**

PENGARAH
AKADEMI ADAB



**DR. MOHAMAD HILMI
MAT SAID**

DEKAN
PUSAT SAINS
KEMANUSIAAN

SENARAI

AHLI DELEGASI (STAF)



**IR. TS. DR.
NORAZLIANIE SAZALI**

PENGARAH
PENERBIT UMP



**DR. FATMAWATI
LATADA**

PENSYARAH KANAN
PUSAT SAINS
KEMANUSIAAN



**NURULL SYAMIMI
AHMAD ABZAN**

EKSEKUTIF KANAN
JABATAN PENDAFTAR



**MUHAMMAD HAFIZ
ASWAD AHMAD
KAMAL**

EKSEKUTIF KANAN
INSTITUT TAMADUN
DAN KAJIAN STRATEGIK



**MUHAMMAD ZUFLI
ZUHARI**

PENOLONG PEGAWAI
PENTADBIRAN
YAYASAN UMP

SENARAI AHLI DELEGASI



AGHA KHILFI

YDP MPP

TAHUN 4
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
PEMBUATAN DAN
MEKANIKAL



AFIF SHAUQIE

PENGARAH

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN KIMIA
DAN PROSES



HANIS SYAFIQA

**TIMBALAN
PENGARAH**

TAHUN 3
FAKULTI
KOMPUTERAN



RIDA SORFINA

SETIAUSAHA

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN KIMIA
DAN PROSES




NUR FARAHDINAH

BENDAHARI

TAHUN 4
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN AWAM

SENARAI AHLI DELEGASI



NUR AMIRA
**PENYELARAS
PROGRAM**

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN AWAM



AMIRUDDIN
JK 3K

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
PEMBUATAN DAN
MEKANIKAL



MOHAMMAD WAFIY
**JK
PENGANGKUTAN**

TAHUN 2
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN
AUTOMOTIF



FARAH NOOR
**JK
PENGANGKUTAN**

TAHUN 4
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN AWAM



ELVA CHUA SI YUN
JK 3K

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN AWAM

SENARAI AHLI DELEGASI



FARIS IKMAL

JK AKTIVITI

TAHUN 2
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN
AUTOMOTIF



HAZE CHUA SI JIE

JK MAKANAN

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN AWAM



NURSHARLEY SUE

JK MAKANAN

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN
AUTOMOTIF



NOR AZLINA

JK MULTIMEDIA

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN
AUTOMOTIF



IMAN ZULHAKIM

JK MULTIMEDIA

TAHUN 4
FAKULTI
KOMPUTERAN

SENARAI AHLI DELEGASI



IRFAN ZAKWAN

**LOGISTIK &
TEKNIKAL**

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
PEMBUATAN DAN
MEKANIKAL



HANIF

**LOGISTIK &
TEKNIKAL**

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN AWAM



INTAN FARZANA

JK MULTIMEDIA

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DAN
AUTOMOTIF



NUR SAKINAH

JK AKTIVITI

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN AWAM



MUZZAMIL TAN

JK AKTIVITI

TAHUN 3
FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN KIMIA
DAN PROSES

RAKAN KERJASAMA STRATEGIK



UNIVERSITAS
GADJAH MADA,
YOGYAKARTA

UNIVERSITAS
NEGERI
YOGYAKARTA



PROGRAM

TARIKH	AKTIVITI
12 Jun 2023 (Isnin)	Pertemuan bersama Pemimpin-pemimpin pelajar Malaysia di Yogyakarta
13 Jun 2023 (Selasa)	Lawatan ke Pusat Studi Pancasila, Universitas Gadjah Mada Seminar Antarabangsa Kepimpinan Mahasiswa dalam Pembangunan Patriotisme
14 Jun 2023 (Rabu)	Program Khidmat Komuniti dan Motivasi bersama SMP IT Alam Nurul Islam, Yogyakarta. Malam Kebudayaan Malaysia - Indonesia
15 Jun 2023 (Khamis)	Pertemuan bersama Fakultas Ilmu Pendidikan dan Psikologi, Universitas Negeri Yogyakarta



LAPORAN HARIAN

PERTEMUAN BERSAMA PEMIMPIN PELAJAR MALAYSIA DI YOGYAKARTA

HARI PERTAMA (12 JUN 2023)



Program pertama yang dijalankan sebaik sahaja tiba di bumi Yogyakarta ialah pertemuan bersama pemimpin-pemimpin pelajar Malaysia yang belajar universiti sekitar Yogyakarta. Program ini diadakan dalam format forum di mana ahli-ahli panel terdiri daripada Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Encik Madyasir bin Ahmad Basyir, Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, Agha Khilfi bin Suarno, Cik Amira dan Dato' Dr. Abdul Latiff Hj Awang bertindak sebagai Moderator.

Tan Sri. Dato Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman memulakan ucapannya dengan pengenalan kepada Pancasila. Beliau menceritakan kewujudan rukun negara di Malaysia dan kesamaannya dengan Pancasila. Kedua-duanya adalah merupakan nasional ideologi. Perbezaannya adalah adalah pada cara pelaksanaannya. Beliau juga menekankan bahawa *'Equal opportunity in order to participate in higher education'*. Tan Sri Abdul Aziz turut memberikan sedikit maklumat berkenaan dengan MUBARAK. MUBARAK ialah Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia. Antara anggotanya ahli pencen, senator, ahli parlimen dan ahli dewan negeri.

Seterusnya, hujahan dari YDP UMP, Saudara Agha Khifli. Beliau menerangkan empat pemerkasaan mahasiswa yang sedang diterapkan. Ekonomi mahasiswa, autonomi kewangan, pemilihan yang tidak dicampuri mana mana pegawai dan kebebasan berpolitik. Berhasrat untuk melakukan lebih banyak kolaborasi dengan universiti di Indonesia seiring dengan slogan PKPMI 'Sahabat Malaysia'.



PERTEMUAN BERSAMA PEMIMPIN PELAJAR MALAYSIA DI YOGYAKARTA

HARI PERTAMA (12 JUN 2023)



Seterusnya, ucapan daripada Cik Amira, Pengerusi PKPMI. Beliau dalam usaha menyatukan semua mahasiswa yang berada di Indonesia. Beliau berkata apabila berada di luar negara, kita tiada keluarga dan tempat untuk bergantung, maka mereka perlulah ada antara satu sama lain. Oleh itu, beliau ingin memastikan hubungan PKPMI sentiasa terjalin ibarat sebuah keluarga.

Forum tersebut berakhir dengan penggulungan oleh Prof. Ziad. Beliau berhasrat agar program kolaborasi akan terus diadakan dan berharap agar semua mahasiswa dapat menjadi pemimpin yang hebat. Sejurus tamat forum tersebut, kami dihidangkan dengan kudapan petang iaitu bakso, soto bersama kuih muih tradisional Yogyakarta. Bersama-sama didendangkan dengan nyanyian lagu dan tarian oleh mahasiswa dari Indonesia dan Malaysia. Tepat jam 7:30, kami dihidangkan dengan sajian makan malam

Sesi Hi-Tea ini diakhiri dengan sesi bergambar antara mahasiswa Malaysia yang belajar di Indonesia serta Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang sebagai kenangan terindah.



HI-TEA



LAWATAN KE PUSAT STUDI PANCASILA, UNIVERSITAS GADJAH MADA

HARI KEDUA (13 JUN 2023)



Program hari kedua bermula dengan lawatan rasmi ke Pusat Studi Pancasila (PSP), Universitas Gadjah Mada (UGM). Delegasi UMP telah disambut oleh pihak PSP yang diketuai oleh Pengarah PSP iaitu Dr. Agus Wahyudi. Sesi pertemuan dua hala ini banyak membincangkan perkara-perkara berkaitan kepentingan rakyat mendalami prinsip Pancasila dan Rukun Negara.

Menurut Tan Sri Abdul Aziz, Rukun Negara yang diisytiharkan pada tahun 1970 telah digubal berdasarkan nilai-nilai di dalam Pancasila. Perkara ini dicetuskan selepas berlakunya peristiwa hitam iaitu insiden rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Manakala Dr. Agus turut menekankan bahawa pihak mereka sudi membantu UMP secara khususnya dalam usaha untuk mengukuhkan lagi pegangan rakyat Malaysia terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara sebagaimana yang telah dilakukan oleh Indonesia kepada rakyatnya sehingga kini. “Apakah metodologi yang digunakan oleh Pancasila sehingga Pancasila menjadi begitu Hebat dari peringkat Sekolah dan Pengajian Tinggi” tanya Tan Sri Abdul Aziz.

Dr Agus selaku Pengarah Pusat Studi Pancasila ini telah mengolah dan menyusun nilai dalam prinsipal dengan menekankan aspek agama, negara, budaya, standard bekerja dan diturunkan dengan polisi dan politik. Bukan itu sahaja, Pancasila juga telah membicarakan tentang Hukum dan Aturan dalam tentangan yang ada di semua level.



LAWATAN KE PUSAT STUDI PANCASILA, UNIVERSITAS GADJAH MADA

HARI KEDUA (13 JUN 2023)

Sebelum mengakhiri pertemuan ini, satu majlis menandatangani Surat Niat (*Letter of Intention*) antara ITKAS dan PSP telah dijalankan. ITKAS diwakili oleh Pengarahnya iaitu Prof. Madya Dr. Hasan Ahmad manakala PSP pula diwakili oleh Dr. Agus sendiri. Ini merupakan simbolik permulaan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.





Para hadirin yang mengikuti sesi perbincangan antara UMP dan PSP



Sesi menandatangani Lol sambil disaksikan oleh Tan Sri Abdul Aziz dan para tetamu yang hadir.



Dr. Agus telah menerima sebuah buku terbitan Penerbit UMP bertajuk “Rukun Negara dan Pancasila: Ideologi dan Amalan”



Gambar berkumpulan di hadapan bangunan Pusat Studi Pancasila

SEMINAR ANTARABANGSA

Patriotisme Generasi Muda dalam Perspektif Pancasila dan Rukun Negara

HARI KEDUA (13 JUN 2023)



Selepas selesai lawatan ke Pusat Studi Pancasila, Universitas Gadjah Mada (UGM), delegasi UMP menuju ke Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) bagi menghadiri Seminar Antarabangsa di Bulan Pancasila yang bertemakan “Patriotisme Generasi Muda dalam Perspektif Pancasila dan Rukun Negara”

Seminar tersebut dihadiri oleh beberapa panel dari pelbagai latar belakang dan Puan Nurhayati daripada UNY bertindak sebagai moderator pada hari tersebut. Majlis dimulakan dengan tarian pembukaan yang dinamakan sebagai Tarian Pareng Anom oleh dua orang mahasiswa UNY. Forum dimulakan sejeurus selesai tarian tersebut. Sesi Forum dimulakan dengan ucapan pembukaan perasmian oleh Encik Zulfadli bin Hamzah selaku Atase Pendidikan di Education Malaysia Indonesia.

Panel 1: Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman Pancasila dan rukun negara adalah penting bagi menentukan jati diri anak muda. Pancasila merupakan nasional ideologi dan telah ditubuhkan selama 95 tahun. Kewujudan Rukun Negara tercetus setelah peristiwa 13 Mei. 5 Sila, 5 Rukun dibentuk bagi melahirkan anak muda yang mempunyai jati diri yang kukuh.



SEMINAR ANTARABANGSA

Patriotisme Generasi Muda dalam
Perspektif Pancasila dan Rukun Negara

HARI KEDUA (13 JUN 2023)

Menurutnya pendedahan Rukun negara dan Pancasila adalah berbeza. Jika di Indonesia, Pancasila telah diperkenalkan sejak dari pra-sekolah manakala di Malaysia, Rukun Negara diterapkan dalam subjek Pendidikan Sivik di sekolah. Tan Sri menekankan bahawa semangat patriotisme dalam kalangan anak muda perlulah ditanamkan.



Beliau menceritakan persamaan antara Rukun Negara dan Pancasila. Kedua-duanya adalah ideologi persatuan. Beliau juga berkata tetapi kini sayangnya diambil kesempatan oleh sesetengah masyarakat. Terdapat beberapa pengetahuan yang perlu diketahui bagi menangani pancasila iaitu pengetahuan faktual empiris, pengetahuan normatif dan pengetahuan metafisik (spiritual).

Beliau menyatakan antara kerisauan yang berlaku adalah penerimaan dan persepsi terhadap pancasila akan hasrat dan tujuan asal. Menurut beliau pemerintahan perlulah diketuai oleh orang yang pakar seperti jika hendak mengemudi kapal perlulah oleh orang yang terlatih. Ini kerana, mereka lebih arif dengan perkara tersebut.

SEMINAR ANTARABANGSA

Patriotisme Generasi Muda dalam
Perspektif Pancasila dan Rukun Negara

HARI KEDUA (13 JUN 2023)



“Di negara kita terdapat pelbagai bangsa dan kaum seperti Melayu, Cina dan India berbeza dengan di Indonesia mempunyai satu bangsa sahaja. Jadi, bagaimanakah kita mahu menerapkan Rukun Negara akan sentiasa terus menjadi di Pancasila”

Dato' Hj. Md Rusli bin Ismail
Ahli Majlis Tertinggi MUBARAK



“Apakah penerangan bagi Lambang Indonesia di bawah kaki Garuda tertulis “Bhinneka Tunggal Ika” terkait dengan perpaduan di negara Malaysia kerana saya difahamkan bahawa konsep “Binneka Tunggal Ika” itu adalah kesatuan di Indonesia”

En. Zulfadhli bin Hamzah
Atase Pendidikan
Education Malaysia - Indonesia

SEMINAR ANTARABANGSA

Patriotisme Generasi Muda dalam
Perspektif Pancasila dan Rukun Negara

HARI KEDUA (13 JUN 2023)



“Bagaimana Indonesia menerapkan konsep Pemerkasaan Mahasiswa di Universiti-universiti dan apakah proses dan operasi yang dilakukan?”

Hanis Syafiqah
Timb. Yang Di Pertua 2
Majlis Perwakilan Pelajar UMP



“Jika memang teknologi itu digunakan untuk memudahkan manusia sejauh pengalaman saya teknologi di Indonesia seperti AI tidak diberikan pemahaman kepada masyarakat Indonesia. Gimanaakah permanfaatkan teknologi di bidang pendidikan seharusnya?”

Hilmi
Mahasiswa Kebijakan Pendidikan

SEMINAR ANTARABANGSA DI BULAN PANCASILA

HARI KEDUA (13 JUN 2023)



“Bagaimana gambaran umum implementasi Rukun Negara di sekolah-sekolah sehingga peringkat universiti di Malaysia dan bagaimana mahasiswa di sana menghayati Rukun Negara?”

Ariza
Mahasiswa Kebijakan Pendidikan



“Saya ingin bertanya tentang sekolah Varnikular, saya sangat kagum dengan bahasa Indonesia semua orang akan bercakap dengan fasih tetapi di Malaysia tidak begitu. Persoalan saya, jika tiada sekolah Varnikular, bagaimana kita nak teruskan menjaga warisan budaya kaum itu sendiri dan bagaimana masyarakat Indonesia teruskan tradisi dengan bangsa lain?”

Haze Chua Si Jie
Presiden Iskandar UMP

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI

HARI KETIGA (14 JUN 2023)

Aktiviti khidmat komuniti melibatkan pelajar UMP bersama masyarakat Indonesia iaitu pelajar SMP IT Alam turut dilaksanakan. Aktiviti yang dilakukan adalah berbentuk 'explorace'. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi memupuk semangat berpasukan.

Aktiviti yang dijalankan secara tidak langsung memberi pendedahan bahawa pentingnya kerjasama antara kumpulan bagi mencapai sesuatu objektif. Selain itu, ukhuwah silaturrahim di antara pelajar SMP IT Alam bersama pelajar UMP juga turut terjalin.

Pelajar yang terlibat memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan program yang membantu dalam menyerlahkan potensi diri melalui modul dan aktiviti interaktif yang dijalankan.



PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI



PROGRAM MOTIVASI BERSAMA GURU- GURU SMP IT ALAM NURUL ISLAM

HARI KETIGA (14 JUN 2023)



Pada masa yang sama, berlangsung juga program motivasi bersama guru-guru SMP IT Alam Nurul Islam seramai 20 orang termasuk pegawai pengurusan dari sekolah rendah (SD) dan sekolah menengah (SMP). Hadir bersama adalah pengelola taman asuhan kanak – kanak, guru besar sekolah rendah juga pengetua sekolah menengah.

Program ini dikendalikan oleh Dr. Fatmawati Latada dan dibantu oleh Dekan PSK dan Pengarah ITKAS. Pengisian program adalah berkait dengan ‘Self-Care’ untuk ibu bapa, guru – guru dan anak murid Post Covid-19’. Pengisian diakui sangat membantu dan informatif oleh para peserta dan meminta agar sesi perkongsian serupa diteruskan secara dalam talian. Beberapa peserta secara terbuka menyarankan kepada pihak pengurusan sekolah agar memudahkan proses menyambung pengajian bagi mereka di UMP walaupun dalam bentuk Pantauan Jarak Jauh (*Remote Supervision*).

Sekolah ini mempunyai potensi untuk berkembang dengan baik kerana sekolah ini mengintegrasikan pendekatan IT, Alam semula jadi, Agama dan budaya dalam kurikulumnya. Oleh itu, ia mampu membangun sehingga menjadi sekolah yang berpestasi tinggi.



MALAM KEBUDAYAAN MALAYSIA - INDONESIA • • •

HARI KETIGA (14 JUN 2023)



Pada malamnya pula, berlangsung satu majlis makan malam bertemakan “Malam Kebudayaan Malaysia - Indonesia” di mana ia diadakan di Restoran Omah Dhuwur, pada jam 7.30 malam. Selain daripada delegasi UMP, majlis ini telah dihadiri oleh kira-kira 23 orang pelajar daripada lima buah universiti lain iaitu Universitas Gadjah Mada, Universitas Negeri Yogyakarta, Universitas

Islam Negeri dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta. Turut hadir juga ialah beberapa orang wakil daripada Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia Indonesia (PKPMI) yang diketuai oleh Saudara Mohammad Khairul Ikhwan bin Norhanizam termasuk dengan kedatangan wakil lain dari setiap universiti.

Pada malam tersebut, aktiviti persilangan budaya antara Malaysia dan Indonesia telah berjaya dijalankan, di mana pelbagai persembahan yang mempamerkan budaya antara kedua-dua negara dipertontonkan kepada hadirin. Turut sama menyeronokkan majlis ialah nyanyian daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) iaitu Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman.



MALAM KEBUDAYAAN MALAYSIA - INDONESIA



PERTEMUAN BERSAMA PIHAK UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA

HARI KEEMPAT (15 JUN 2023)



Delegasi UMP memanfaatkan setiap kesempatan yang ada dengan mengaturkan satu lagi perbincangan bersama pihak Pengurusan Akademik Fakultas Ilmu Pendidikan dan Psikologi, Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) pada hari terakhir berada di sini. Perbincangan ini telah diadakan di Novotel Suites Yogyakarta Malioboro.

Delegasi UNY diketuai oleh Prof. Dr. Farida Hanum, M.Si, Dr. Rukiyati, M.Hum, Dr. Ariefa Efianingrum, M.Si, dan Dr Shely Cathrin, S.Fil., M.Phil. Pertemuan yang berlangsung kira-kira hampir dua jam ini banyak membincangkan program kerjasama yang dapat dijalankan di antara kedua-dua belah pihak seperti pertukaran staf akademik dan penawaran program sarjana serta doktor falsafah.



RUMUSAN

Program diharap dapat membuka peluang delegasi UMP membentuk jalinan antarabangsa bersama universiti di sekitar Jogjakarta, Indonesia. Diharapkan agar jalinan antarabangsa bersama universiti di Yogyakarta ini dapat menjadi asas untuk kolaborasi pada masa hadapan. Semoga percambahan idea khususnya kepada pemimpin pelajar UMP dalam aspek kepimpinan dan budaya masyarakat luar negara yang menjadi tujuan utama program ini dapat direalisasikan dengan jayanya.



TESTIMONI

DELEGASI

Hasil Dapatan Program – Penerapan nilai A.D.A.B



AFIF SHAUQIE

NYDP MPP – UMP JABATAN PERKHIDMATAN

“Program ini telah menjalinkan hubungan baik antara UGM dan UNY serta memberi pandangan dan kebudayaan antara organisasi UMP dan wakil-wakil Pelajar antara Malaysia dan Indonesia”



HANIS SYAFIQA

TYDP 2 MPP – UMP

“Dengan adanya program begini saya mampu mempelajari sosio budaya masyarakat indonesia khususnya di Jogjakarta. Bukan itu sahaja, saya dapat mempelajari konsep Pancasila yang diterapkan di Indonesia.”



RIDA SORFINA

SETIAUSAHA KELAB INSMARTIVE

“Saya dapat berjumpa dengan rakan baharu dan mewujudkan ikatan dengan pihak atasan yang tidak pernah berjumpa dan bercakap”



اونیورسیتی ملیسیا فہج
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**INSTITUT TAMADUN DAN KAJIAN STRATEGIK (ITKAS)
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
LEBUH PERSIARAN TUN KHALIL YAAKOB
26300 KUANTAN, PAHANG, MALAYSIA
TEL: +609 431 5068 | E-MEL: itkas@ump.edu.my**

www.itkas.ump.edu.my